



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 12 MEI 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **110 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **5,223 kes** (77.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 12 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **16 kes**, baharu yang telah dilaporkan, **di mana sembilan (9) kes adalah di kalangan bukan warganegara Malaysia**. Ini merupakan kes harian terendah yang pernah dicatatkan sejak kebelakangan ini. Ingin dimaklumkan juga, bahawa daripada 16 kes baharu yang dilaporkan hari ini, terdapat **tiga (3) kes import** dan 13 kes penularan tempatan.

Oleh itu, jumlah kumulatif kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **6,742 kes**, manakala **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,410 kes**.

Sehingga kini, seramai **16 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, tiga (3) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa **tiada** kes kematian berkaitan COVID-19 setakat ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak **109** kes (1.62 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

HARI JURURAWAT SEDUNIA, 12 MEI 2020

Sempena Hari Jururawat Sedunia pada hari ini iaitu, 12 Mei 2020, pihak KKM ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua jururawat di Malaysia.

Sambutan tahun ini bertemakan "*A Voice to Lead: Nursing The World To Health*", sememangnya bertepatan bagi menghargai sumbangan dan pengorbanan semua jururawat yang sentiasa cekal dan tabah menghadapi cabaran penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Anda adalah wira yang tidak didendang, dan KKM sentiasa menghargai jasa dan bakti anda semua.

AKTIVITI SURVELAN BAGI PEMANTAUAN PENULARAN JANGKITAN COVID-19 DI KALANGAN MASYARAKAT

Aktiviti surveilan bertindak sebagai sistem amaran awal (*early warning*) dan pengesanan awal (*early detection*) bagi jangkitan COVID-19 di Malaysia.

Aktiviti-aktiviti surveilan ini merangkumi:

1. Survelan klinikal iaitu pengesanan dan persampelan kes-kes *Influenza Like Illness* (ILI) di lokasi sentinel (iaitu Klinik Kesihatan KKM) seluruh negara dan kes-kes *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) di semua hospital KKM.

Setakat minggu epid ke-18, sebanyak 9,010 sampel telah diambil daripada pesakit kes ILI / SARI. Daripada jumlah

keseluruhan tersebut, sebanyak 81 sampel disahkan positif COVID-19 (iaitu 0.9 peratus):

- Kes ILI: 14 kes positif COVID-19 daripada 1,594 sampel (0.94 peratus)
- Kes SARI: 67 kes positif COVID-19 daripada 7,416 sampel (0.9 peratus)

Secara keseluruhannya, terdapat penurunan kes positif COVID-19 yang dikesan melalui SARI. Jika dibandingkan, pada minggu epid ke-13, kadar positif adalah sebanyak 8.7 peratus (iaitu 25 kes dikesan daripada 288 sampel SARI). Manakala, pada minggu epid ke-18 pula, kadar positif adalah 0.13 peratus (iaitu satu (1) kes dikesan daripada 772 sampel SARI).

Ini menunjukkan pengesanan kes SARI yang serius dan sederhana serius di kalangan pesakit COVID-19 adalah semakin berkurangan.

2. Saringan COVID-19 bagi anggota kesihatan KKM sehingga 12 Mei 2020, di mana sebanyak 11,470 sampel telah diambil. Seramai 65 anggota KKM telah dikesan positif COVID-19.
3. Saringan COVID-19 ke atas semua pesakit sebelum menjalani pembedahan kecemasan dan separa kecemasan di hospital KKM. Sehingga 12 Mei 2020, terdapat tujuh (7) kes yang dikesan positif COVID-19 daripada 8,528 jumlah pesakit yang disaring (iaitu 0.08 peratus).

KKM juga menjalankan analisa surveilan pasif di mana ia merangkumi notifikasi yang diterima di *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan bagi kes-kes yang telah dikesan sebagai *Person Under Investigations* (PUI) daripada fasiliti KKM dan swasta. Setakat ini terdapat 95 kes positif dikesan daripada 30,155 ujian yang dijalankan di makmal-makmal swasta ini (iaitu 0.32 peratus).

Aktiviti surveilan di Negara kita telah dipergiat dengan proaktif namun, dan banyak ujian makmal telah dijalankan. Meskipun begitu, kadar positif yang dikesan melalui aktiviti surveilan adalah menurun dan kekal rendah buat masa ini. Walaubagaimanapun, pihak KKM menyeru supaya masyarakat tidak leka dengan tren penurunan ini. Sekali lagi, KKM ingin menekankan bahawa kepatuhan orang ramai kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, serta kelaziman dan norma baharu adalah amat penting dalam menentukan kadar kes positif COVID-19 di Malaysia.

Aktiviti surveilan ini akan diteruskan untuk mencapai objektif sebagai sistem amaran awal (*early warning*) serta dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa dengan penambahan lokasi sentinel ILI bagi mengesan COVID-19 di kalangan masyarakat.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Susulan itu, Rakyat Malaysia perlu memainkan peranan masing-masing dalam memerangi wabak COVID-19 dengan:

- 1) Elakkan keluar dari rumah, kecuali untuk urusan-urusan yang penting sahaja;
- 2) Mengamalkan jarak sosial selamat (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain;
- 3) Elakkan amalan kunjung-mengunjung, termasuk pada musim perayaan untuk memastikan kesihatan dan keselamatan masyarakat. Lindungilah warga emas dan juga bayi atau kanak-kanak kita;
- 4) Mengamalkan tahap kebersihan yang optimum pada setiap masa, seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau *handsanitizer*;
- 5) Digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) di tempat awam atau tempat orang ramai berkumpul.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan

terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

12 Mei 2020 @ 4.30 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 12 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

| NEGERI | BILANGAN KES BAHARU *() | BILANGAN KES KUMULATIF |
|---------------------------|---|---------------------------------------|
| PERLIS | 0 | 18 |
| KEDAH | 0 | 95 |
| PULAU PINANG | 0 | 121 |
| PERAK | 0 | 255 |
| SELANGOR | 3 (1) | 1,610 |
| NEGERI SEMBILAN | 0 | 742 |
| MELAKA | 0 | 211 |
| JOHOR | 0 | 667 |
| PAHANG | 0 | 312 |
| TERENGGANU | 0 | 110 |
| KELANTAN | 0 | 155 |
| SABAH | 1 | 328 |
| SARAWAK | 0 | 543 |
| W.P. KUALA LUMPUR | 12 (2) | 1,470 |
| W.P. PUTRAJAYA | 0 | 89 |
| W.P. LABUAN | 0 | 16 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 16 (3) | 6,742 |

*() adalah merujuk kepada kes-kes import